

07/05/2003

Mercy guna peruntukan perluas khidmat di Iraq

PUTRAJAYA: Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy) akan menggunakan peruntukan yang diberikan kerajaan bagi memperluaskan perkhidmatan perubatan di Iraq yang terjejas teruk akibat peperangan.

Presiden Mercy, Datuk Dr Jemilah Mahmood, berkata selain membekalkan peralatan perubatan dan ubat yang diperlukan beberapa hospital di Baghdad, Mercy akan membantu dalam pembinaan semula hospital yang musnah akibat peperangan.

"Mercy tidak akan melihat kes-kes individu seperti Yasmine Wa'adi kerana mungkin organisasi lain yang akan berbuat demikian. Sebaliknya, kita akan menumpukan kepada bantuan perubatan untuk jangka masa panjang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima peruntukan RM6 juta daripada kerajaan menerusi Tabung Kemanusiaan dan Pembelaan Rakyat Iraq di Wisma Putra, semalam.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, menyampaikan sumbangan itu kepada Mercy.

Selain itu, Mercy turut menerima sumbangan daripada Umno cawangan Jalan Sulaiman Bukit Bintang sebanyak RM10,000 dan Radio Era (RM5,260).

Sementara itu, Majlis Belia Malaysia (MBM) berjaya mengumpul RM190,000 untuk Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia (MIPF) sehingga semalam.

Naib Presidennya, Loka Ng Sai Kai, berkata kutipan itu sumbangan pelbagai pihak termasuk melalui jualan kupon sempena majlis Malam Semarak Kedamaian anjuran MBM pada 12 Mei ini di Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor, Shah Alam.

Katanya, MBM mensasarkan kutipan sebanyak RM250,000 dan semua kutipan akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pada sambutan Hari Belia Negara 2003, 15 Mei ini.

Sementara itu, kutipan MIPF yang dikelola Kumpulan The New Straits Times Press Berhad (NSTP) berjaya mengumpul sebanyak RM344,707.79 setakat jam 5 petang semalam.

MIPF masih menerima sumbangan orang ramai yang ingin menderma dan kutipan diterima kebanyakannya dari orang perseorangan dan badan kebajikan.

Di SHAH ALAM: Persatuan Bekas Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor mengumpul kutipan sebanyak RM1,400 daripada ahlinya sempena mesyuarat agung persatuan itu.

Sumbangan itu diserahkan Pengerusi persatuan, Alias Salleh kepada wakil Berita Harian cawangan Klang, Minarni Mat Saad pada satu majlis ringkas yang disaksikan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Seri Onn Ismail selaku penaung persatuan itu di pejabatnya.

Di BUTTERWORTH, Persatuan Kebajikan Nelayan Pantai Pulau Pinang menyerahkan sumbangan sebanyak RM1,585.50 untuk MIPF.

Sumbangan diserahkan Setiausaha persatuan itu, Rousli Ibrahim kepada wakil Berita Harian Prai, Ahmad Saufi Mansor di Balai Berita Prai, di sini, kelmarin.

Di KUANTAN, Gabungan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) Felda Wilayah Kuantan menyumbangkan RM18,000 kepada MIPF sempena Karnival TV3-Sure Heboh di sini, kelmarin.